

13/10/1998

Malaysia sedia bantu Swaziland

Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia hari ini menawarkan latihan dalam bidang hubungan luar dan diplomasi serta pembangunan kepada Swaziland.

Tawaran itu dikemukakan dalam mesyuarat delegasi Malaysia-Swaziland di Jabatan Perdana Menteri (JPM). Delegasi Malaysia diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, manakala Swaziland diterajui Raja Mswati III.

Bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat lebih sejam itu, Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata kedua-dua negara bersetuju mengukuhkan hubungan dua hala dan meningkatkan kerjasama perdagangan.

"Kedua-dua delegasi juga bersetuju menjalankan program pertukaran pegawai dalam bidang diplomatik dan pembangunan.

"Perdana Menteri menawarkan latihan dalam bidang hubungan luar negara dan diplomasi serta pembangunan.

Delegasi Swaziland pula mahu menimba pengalaman Malaysia dalam bidang pembangunan.

"Kita juga bersetuju menerima kedatangan pegawai mereka ke negara ini untuk belajar.

"Saya memberi contoh risalah latihan berkenaan di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDHL) dan Institut Tadbiran Awam Negara (Intan)," katanya.

Dalam mesyuarat itu juga, Malaysia dan Swaziland menandatangani dua perjanjian iaitu Perjanjian Kerjasama Perdagangan serta Perjanjian Ekonomi, Saintifik, Teknikal dan Kebudayaan.

Kedua-kedua perjanjian itu ditandatangani oleh Abdullah bagi pihak Malaysia, manakala Menteri Perdagangan dan Hal Ehwai Luar Swaziland, Albert H N Shabangu, mewakili negaranya.

Abdullah berkata, setakat ini Malaysia melatih 25 pegawai Swaziland di negara ini menerusi Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) dalam bidang pembangunan koperasi, cukai, pentadbiran awam dan kesihatan.

Abdullah berkata, kedua-dua pemimpin juga menggalakkan usahawan kedua-dua negara untuk mengadakan pertemuan bagi meningkatkan hubungan perdagangan.

Setakat ini, jumlah perdagangan Malaysia-Swaziland agak kecil iaitu sebanyak RM3.2 juta saja.

Beliau berkata, Swaziland menghasilkan beberapa barangan yang boleh diimport negara ini seperti alat kelengkapan jentera, manakala Malaysia menghasilkan barangan yang diperlukan oleh Swaziland seperti alat ganti bagi peralatan membabitkan fotografi dan alat hawa dingin.

Abdullah berkata, meskipun negara sedang mengalami kegawatan ekonomi, Malaysia tetap menerima kunjungan negara asing yang ingin menimba pengalaman negara dalam pelbagai bidang.

(END)